

12 DEC 2002

Adnan-Balak

LANGKAH ELAK PEMBALAKAN DI SUNGAI LEMBING, KATA ADNAN

KUANTAN, 18 Dis (Bernama) -- Kerajaan Pahang akan mengkaji kemungkinan untuk memastikan kawasan Sungai Lembing dekat sini tidak terlibat dengan aktiviti pembalakan kerana ia berpotensi menjadi pusat pelancongan.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata Sungai Lembing merupakan kawasan yang sejuk dengan pemandangan yang menarik dan amat sesuai untuk dimajukan untuk industri pelancongan.

Menurutnya, satu kajian akan dibuat oleh kerajaan negeri selepas kerja pengeluaran balak di kawasan pembinaan Empangan Reman Cereh siap dilakukan.

"Lepas empangan Reman Cereh dikeluarkan kayu, kita akan perhatikan, kawasan Sungai Lembing di sebelah barat dapat dijadikan kawasan pelancongan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri hari ini.

Adnan berkata, keputusan itu tidak ada kena mengena dengan dakwaan sesetengah pihak kononnya kegiatan pembalakan di kawasan berkenaan menyebabkan banjir di situ.

Menurutnya kerja pembalakan yang dilakukan secara terancang oleh sebuah syarikat di situ bukan penyebab banjir dan pengeluaran balak hanyalah di kawasan pembinaan empangan kerana kawasan itu perlu dibersihkan untuk pembinaan empangan untuk bekalan air bagi daerah Kuantan.

"Nak saya jelaskan yang Sungai Lembing dari dulu lagi akan dilanda banjir setiap kali musim tengkujuh," katanya.

Adnan juga berkata, keputusan akhir pembinaan projek bekalan air ke Selangor belum dibuat.

Menurutnya, apa yang beliau diberitahu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah adanya bantuan daripada Jepun untuk projek berkenaan.

"Perkara itu belum diputuskan lagi, kerajaan negeri pun masih belum tahu mengenainya," katanya.

Adnan berkata, perkara itu akan ditentukan oleh kerajaan persekutuan manakala kerajaan negeri akan memberikan bantuan yang diperlukan untuk menjayakan projek berkenaan.

-- BERNAMA

HIS MAI